

Bantuan banjir, wang ihsan mula diagihkan - PM

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

BERA: Agihan bantuan banjir Keluarga Malaysia selain bantuan wang ihsan (BWI) RM1,000 mula disalurkan hari ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Bantuan itu melibatkan wang tunai RM2,500 untuk pembelian barangan keperluan rumah, baucar tunai RM500 bagi pembelian barangan elektrik dan baucar tunai RM1,000 untuk pembaikan kenderaan yang terkesan banjir.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, ia turut melibatkan bantuan tunai sehingga RM5,000 bagi setiap keluarga

untuk kerja-kerja pembaikan rumah kepada mangsa banjir yang mengalami kerosakan tidak serius.

Menurut Ismail Sabri, dari segi penerimanya, kerajaan mempunyai hampir semua nama ketua isi rumah (KIR) yang layak.

“Mungkin ada yang tertinggal, itu kita minta mangsa terlibat supaya mendaftarkan diri mereka di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di daerah masing-masing,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Wang Ihsan dan Bantuan Khas Banjir di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, tiga kaedah pembayaran ialah menghantar ke rumah, kedua kumpul di dewan orang ramai dan ketiga masuk ke akaun bank setiap penerima.

Beliau berkata, bagi bantuan baik pulih rumah dengan kos melebihi RM5,000 hingga RM15,000, ia juga bermula hari ini.

“Kita sudah dapat senarai rumah terlibat dan kos ditentukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Kita akan bagi berdasarkan kerosakan dialami,” katanya.

Mengulas tentang BWI, Perdana Menteri berkata, sehingga kelmarin, untuk mangsa banjir gelombang pertama, seramai

51,532 KIR daripada 54,678 KIR atau 94.2 peratus telah menerima bantuan itu.

“Untuk gelombang kedua: seramai 871 KIR daripada 8,808 KIR atau 9.9 peratus telah menerima BWI,” katanya.

Beliau dalam pada itu berkata, seperti diarahkannya, semua bantuan dan sumbangan banjir Keluarga Malaysia perlu disegerakan tanpa kerengah birokrasi.

“Prinsip kita memudahkan, bukan menyulitkan. Cepat bukan lambat. Kita tidak mahu lambat dengan kerengah birokrasi kerana akhirnya hasrat baik kerajaan bantu rakyat yang terjejas banjir tidak dapat dilaksanakan,” katanya.